

Petikan

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSI DAN UNIVERSITAS RIAU

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ini telah dibuat pada 19 Mei 2009

Di antara

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

sebuah institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan mempunyai alamat berdaftar di 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA di satu pihak, Dan UNIVERSITAS RIAU dan mempunyai alamat di Universitas Riau, Kampus Binawidya, KM 12.5, Simpangbaru, Pekanbaru 28293 INDONESIA di satu pihak yang lain.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA dan UNIVERSITAS RIAU selepas ini akan dirujuk sebagai "Pihak" secara berasingan dan "Pihak-pihak" secara kolektif.

### BAHAWASANYA

- A. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ialah salah sebuah universiti penyelidikan di Malaysia yang sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan keupayaannya di dalam bidang akademik dan penyelidikan serta telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menjayakan program akademik dan projek penyelidikan yang berkaitan. Antara lain UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA telah menjalinkan pelbagai hubungan pintar dengan institusi-institusi yang tertentu untuk meningkatkan usahasama akademik dan penyelidikan.
- B. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA bagi tujuan Memorandum Persefahaman ini diwakili oleh Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains dan Teknologi.
- C. Pihak-pihak dengan ini adalah berhasrat untuk memasuki Memorandum Persefahaman ini di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, akademik dan program pertukaran pelajar.
- D. Pihak-pihak dengan ini akan pada setiap masa untuk kepentingan bersama berusaha untuk memastikan kejayaan Memorandum Persefahaman ini.
- E. Pihak-pihak yang memasuki Memorandum Persefahaman ini hendaklah mengesahkan niat masing-masing bagi mewujudkan asas kerjasama dan usahasama antara pihak-pihak berdasarkan kepada terma-terma yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini.

ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJU SEPERTI YANG BERIKUT :

### ARTIKEL 1

#### TUJUAN

Tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia dan polisi-polisi, dan berdasarkan kepada prinsip-prinsip ekuiti dan persalingan, dan dalam usaha untuk menggalakkan usahasama, Pihak-pihak dengan ini bersetuju bahawa Memorandum Persefahaman ini akan bertindak sebagai rangka kerja am bagi usahasama di dalam bidang-bidang seperti berikut:

- a) Penyelidikan Pendidikan Nusantara;

- b) Penerbitan Pendidikan Nusantara;
- c) Persidangan Pendidikan Nusantara;
- d) Jaringan Akademia Pendidikan Nusantara;
- e) Jaringan Program Pendidikan Nusantara;
- f) Jaringan Penyelidikan dalam bidang Sains dan Teknologi;
- g) Persidangan Bersama dalam bidang Sains dan Teknologi; dan
- h) Penerbitan Bersama dalam bidang Sains dan Teknologi.

## ARTIKEL 2 PELAKSANAAN

2.1 Pihak-pihak kepada Memorandum Persefahaman ini bersetuju:

- a) untuk mengadakan program-program yang membolehkan pelajar-pelajar dan kakitangan universiti yang berminat dan berkelayakan untuk mengikuti sama ada program-program jangka pendek atau panjang di Institusi masing-masing dan untuk mengadakan usahasama penyelidikan secara usaha sama dari semasa ke semasa;
- b) untuk meninjau dan menerokai bidang kerjasama akademik di antara pihak-pihak terlibat termasuk tetapi tidak terhad kepada syarahan-syarahan dan pembentangan-pembentangan oleh pihak luar, felo-felo, sarjana-sarjana dan kakitangan fakulti;
- c) untuk memupuk kesedaran kepada fakulti dan pelajar-pelajar berhubung program-program pengajaran dan penyelidikan, institusi-institusi penyelidikan dan sumber-sumber pembelajaran oleh Institusi masing-masing; dan
- d) untuk mengenalpasti bidang-bidang lain yang berkemungkinan dapat dimajukan dan usahasama.

## ARTIKEL 3 DANA BAGI AKTIVITI

Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut, setiap Pihak hendaklah menanggung sendiri segala kos dan perbelanjaan. Sehubungan dengan ini, Pihak-pihak boleh menggunakan sumber yang sedia ada di Institusi masing-masing, seperti skim pertukaran pelajar, program pertukaran kakitangan, persidangan, penyelidikan, program pembiayaan lawatan dan/atau memperolehi bantuan kewangan daripada agensi-agensis penderma.

## ARTIKEL 4 PERLINDUNGAN HAK HARTA INTELEK

- 4.1 Perlindungan hak-hak harta intelek hendaklah dikuatkuasakan menurut undang-undang dan peraturan Malaysia.
- 4.2 Sebarang penggunaan nama, logo dan/atau lambang rasmi UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA atau UNIVERSITAS RIAU dalam hal yang berkenaan, pada sebarang terbitan, dokumen dan/atau kertas kerja adalah dilarang tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak yang satu lagi
- 4.3 Tanpa menyentuh mana-mana perkara di dalam sub-artikel 4.1 di atas, semua maklumat, makluman,

kepakaran termasuk semua reka bentuk, pelan-pelan, taksiran, kajian semula, analisis, penyelesaian, keputusan, penemuan,

pembangunan dan penambahbaikan berkaitan dengan sebarang proses dan/atau produk yang dicapai atau dibangunkan

- i. secara bersama oleh Pihak-pihak, atau apa-apa hasil penyelidikan yang diperolehi secara bersama, akan dimiliki secara bersama di antara Pihak-pihak atau mengikut terma yang telah dipersetujui bersama;
- ii. secara bersendirian dan berasingan oleh UNIVERSITI KEBANGSAAN atau UNIVERSITAS RIAU, atau apa-apa hasil penyelidikan yang diperolehi secara bersendirian atau berasingan oleh UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA atau UNIVERSITAS RIAU, hendaklah dimiliki sepenuhnya oleh salah satu pihak tersebut; dan
- iii. sebarang hak harta intelek yang dibangunkan oleh para pelajar semasa mengikuti program pertukaran atau kegiatan penyelidikan haruslah ditentukan mengikut peraturan yang digunakan di Institusi masing-masing.

## ARTIKEL 5 KERAHSIAAN

5.1 Pihak-pihak hendaklah berakujanji untuk menjaga kerahsiaan dokumen, maklumat dan lain-lain data yang diterima atau disalurkan kepada pihak lain sepanjang tempoh masa berkuatkuasanya Memorandum Persefahaman ini atau lain-lain perjanjian yang dibuat menurut Memorandum Persefahaman ini.

5.2 Pihak-pihak bersetuju agar peruntukan Artikel ini hendaklah mengikat sepanjang tempoh masa yang telah dipersetujui antara Pihak-pihak meskipun Memorandum Persefahaman ini ditamatkan.

## ARTIKEL 6 NOTIS

Sebarang notis dan bentuk komunikasi yang hendak diserahkan atau dikomunikasikan kepada pihak-pihak hendaklah dihantar kepada Pihak berkenaan ke alamat yang dinyatakan di bawah ini sama ada secara pos, faks atau melalui tangan dan notis tersebut hendaklah disifatkan telah diterima oleh penerima setelah notis tersebut diakuterima oleh Pihak-pihak.

Alamat UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Pendaftar  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia 43600 UKM Bangi  
SeJangor Darui Ehsan  
MALAYSIA

Wakil sah:

Dekan  
Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darui Ehsan  
MALAYSIA  
Tel.: +603-8921 6231  
Faksimili: +603-8925 4372

Atau :

Dekan  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia 43600 UKM Bangi  
Selangor Darui Ehsan  
MALAYSIA  
No. Tel: +60389215418 or 5438  
No. Faksimili: + 603 89256068

Alamat UNIVERSITAS RIAU :

Rektor  
Universitas Riau Kampus  
Binawidya KM 12,  
Simpangbaru, Pekanbaru  
28293 INDONESIA Tel:  
+628 - 076163279 Faksimili:  
+628- 1536-884999

#### ARTIKEL 7 PINDAAN

- 7.1 Salah satu Pihak adalah dibolehkan untuk memohon secara bertulis untuk semakan semula, pindaan atau ubah suaian kandungan Memorandum Persefahaman ini.
- 7.2 Sebarang semakan semula, pindaan atau ubah suaian dan hendaklah dipersetujui bersama oleh Pihak-pihak dan persetujuan tersebut hendaklah dibuat dalam bentuk bertulis dan selepas dari ini akan menjadisebahagian daripada Memorandum Persefahaman ini.
- 7.3 Setiap semakan semula, pindaan atau ubah suaian hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang dipersetujui oleh Pihak-pihak yang terlibat.
- 7.4 Sebarang semakan semula, pindaan atau ubah suaian hendaklah tidak memprejudiskan hak-hak dan obligasi-obligasi yang wujud daripada atau berdasarkan kepada Memorandum Persefahaman ini sebelum atau pada tarikh semakan semula, pindaan atau ubah suaian dibuat.

#### ARTIKEL 8 PENGGANTUNGAN

Pihak-pihak adalah berhak atas dasar keselamatan negara, kepentingan nasional, pihak awam atau kesihatan

awam untuk menggantung sementara, sama ada semua atau sebahagian pelaksanaan kepada Memorandum Persefahaman ini yang mana penggantungan tersebut hendaklah berkuatkuasa secara serta-merta setelah Pihak yang lagi satu menerima notis bertulis berhubung perkara di atas.

#### ARTIKEL 9 PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Sebarang perbezaan atau pertikaian di antara Pihak-pihak yang wujud akibat daripada interpretasi atau pelaksanaan atau pemakaian mana-mana peruntukan Memorandum Persefahaman ini hendaklah diselesaikan secara baik melalui rundingan atau perbincangan di antara Pihak-pihak tanpa perlu merujuk kepada pihak ketiga.

#### ARTIKEL 10 TEMPOH MASA

Memorandum Persefahaman ini akan berkuatkuasa selama LIMA (5) tahun dari tarikh Memorandum Persefahaman ini ditandatangani. Semua akujanji yang diberikan akan sah sepanjang tempoh LIMA (5) tahun tertakluk kepada kajian semula dan ubah suaian seperti yang telah dipersetujui bersama.

#### ARTIKEL 11 PEMBATALAN

Salah satu pihak kepada Memorandum Persefahaman ini adalah dibenarkan untuk menamatkan Memorandum Persefahaman ini dengan memberi TIGA (3) bulan notis kepada Pihak yang lagi satu sebelum penamatan dibuat. Tiada sebarang penalti yang akan dikenakan sekiranya berlaku penamatan.

(RUANGAN INI DIBIARKAN KOSONG)

Bagi menyaksikan Memorandum Persefahaman ini Pihak-pihak dengan ini melalui wakil-wakil yang dibenarkan menurunkan tandatangan pada Memorandum Persefahaman ini.

Bagi UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA:  
PROF. DATO' DR. SHARIFAH HAPSAH SYED  
HASAN SHAHABUDIN  
Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Di hadapan:-

PROF. DATIN DR. SITI RAHAYAH ARIFFIN ] .

Dekan Fakultas Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Bagi UNIVERSITAS RIAU.

DR. YANUAR, M.Si.  
Timbalan Rektor II  
Universitas Riau

Di hadapan:

Drs. ISJONI, M.Si.  
Dekan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan  
Universitas Riau

